**Borang Kehadiran**
https://docs.google.com/forms/d/12U9GQKgv4lFaXwGLZgbQA-px2ZV3ZcNUJ3AEBGuc2Zc/viewform?edit_requested=true

KPKT

# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

# BAHAGIAN KEMAMPANAN BANDAR DAN PERSEKITARAN HIJAU (BH)

# TAKLIMAT PROJEK PEMBANGUNAN *BLUEPRINT* EKONOMI KITARAN BAGI SISA PEPEJAL DI MALAYSIA

# 22 APRIL 2022

# KANDUNGAN TAKLIMAT

1) Kenyataan Tender
2) Arahan Kepada Petender
3) Terma Rujukan
4) Kriteria dan Sub Kriteria Penilaian
5) Dokumen Wajib ditanda tangan
6) Sesi soal jawab

# 1. KENYATAAN TENDER



**Tarikh Iklan : 18 April 2022 (Isnin)**

**BAHAGIAN KEMAMPANAN BANDAR DAN PERSEKITARAN HIJAU**
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**
**(NO. TENDER : KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

**KENYATAAN TENDER**

Tawaran tender adalah **dipelawa kepada perunding tempatan yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dalam kod bidang 340103 (kajian ekonomi) dan masih sah pendaftarannya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender seperti berikut:**

| Pejabat Yang Memanggil Tender | Butir-Butir Pelawaan | Tarikh Iklan /Harga Dokumen /Tarikh Dokumen Dijual /Tarikh & Tempat Tutup Tender | Kod Bidang / Kelayakan | Taklimat Tender |
|---|---|---|---|---|
| Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia | **Tarikh Iklan:**<br>18 April 2022 (Isnin) – 22 April 2022 (Jumaat)<br><br>**Harga Dokumen:**<br>RM50 (Tidak akan dikembalikan)<br><br>**Tarikh Dokumen Tender Dijual:**<br>25 April 2022 (Isnin) – 29 April 2022 (Jumaat)<br><br>**Tempat Dokumen Tender Dijual:**<br>Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau, KPKT<br>Aras 10, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4<br>62100 PUTRAJAYA<br><br>**Tarikh Tutup:**<br>30 Mei 2022 (Isnin)<br><br>**Lokasi Penghantaran Dokumen Tender**<br><br>Peti Tender<br>Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau, KPKT<br>Aras 10, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4<br>62100 PUTRAJAYA | 340103 | **Tarikh Taklimat:**<br>22 April 2022 (Jumaat)<br><br>**Masa:**<br>9.30 pagi -10.30 pagi<br><br>**Pautan Taklimat:**<br>https://meet.google.com/wie-gpyt-bpi<br><br>**atau**<br><br>**Kehadiran:**<br>Tidak diwajibkan<br><br>**Borang kehadiran**<br>https://docs.google.com/forms/d/12U9GQKgv4lFaXwGLZgbQA-px2ZV3ZcNUJ3AEBGuc2Zc/edit?usp=sharing<br><br>Atau |



**PERINGATAN**

Tender ini mensyaratkan :-

a) **Hanya penama yang tercatat di dalam sijil pendaftaran syarikat dengan MoF sahaja yang dibenarkan untuk hadir dan membeli dokumen tender.**

b) **Tempoh sah laku sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup tender.**

c) **Sila bawa bersama salinan sijil pendaftaran syarikat dengan MoF, salinan kad pengenalan** serta **cop nama dan jawatan untuk pengesahan semasa pembelian** dokumen tender.

**PEMBELIAN DOKUMEN TENDER**

1) Satu salinan **"Naskah Meja Dokumen Tender"** akan dipamerkan di Aras 10, Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau, KPKT mulai 25 April 2022 (Isnin) sehingga 29 April 2022 (Jumaat) bagi membolehkan petender menyemak dokumen tersebut sebelum membuat pembelian.

2) Urusan penjualan dokumen tender akan dilaksanakan bermula 25 April 2022 (Isnin) sehingga 29 April 2022 (Jumaat) pada waktu-waktu seperti berikut:-

| HARI | WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER | WAKTU REHAT |
|---|---|---|
| ISNIN - KHAMIS | 9.00 AM – 12.00 PM<br>1.30 PM – 4.00 PM | 12.30 PM – 1.00 PM |
| JUMAAT | 9.00 AM – 12.00 PM<br>2.45 PM - 4.00 PM | 12.30 PM – 2.30 PM |

3) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Kiriman Pos** atau **Bank Deraf** (dari bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia) **atas nama Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.** Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara **tunai atau cek tidak akan diterima.**

**PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER**

4) Dokumen "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam **sampul yang berasingan dan berlakri serta ditandakan dengan Tajuk Projek, Nombor Tender, "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan.** Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Aras 10, Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, No. 51, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 PUTRAJAYA** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 30 Mei 2022 (Isnin). Dokumen yang lewat dihantar tidak akan diterima.**

5) Jika Dokumen Tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dihantar melalui pos atau kurier. KPKT juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.**

6) Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi KPKT di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my . Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh diajukan ke alamat emel nash@kpkt.gov.my atau 03-8891 3079.

# 2. ARAHAN KEPADA PETENDER



# 2a. LATAR BELAKANG

1. Tender ini dipelawa oleh Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau (BH), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada semua perunding tempatan yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF) dalam **kod bidang 340103 (Kajian Ekonomi)** dan **masih sah pendaftarannya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender**.
   a) Tarikh tutup tender : 30 Mei 2022
   b) **3 bulan dari tarikh tutup tender : 29 Ogos 2022**
   c) Perunding tidak akan diperakukan untuk membeli dokumen tender sekiranya tempoh sah laku sijil pendaftaran syarikat dengan MoF tamat sebelum atau pada 29 Ogos 2022.
   d) Sila perbaharui sijil pendaftaran MoF dengan lebih awal

# 2b. PEMBELIAN DOKUMEN

2. Tempoh dokumen tender dijual adalah bermula pada 25 April 2022 (isnin) sehingga 29 April 2022 (jumaat) pada waktu-waktu berikut:

| Hari | Waktu Perkhidmatan Kaunter | Waktu Rehat |
|---|---|---|
| Isnin - Khamis | 9.00 AM – 12.00 PM<br>1.30 PM – 4.00 PM | 12.30 PM – 1.00 PM |
| Jumaat | 9.00 AM – 12.00 PM<br>2.45 PM - 4.00 PM | 12.30 PM – 2.30 PM |

3. Dokumen tender tidak akan dijual selepas tempoh tersebut tamat.

# 2b. PEMBELIAN DOKUMEN

4. Tender ini mensyaratkan **hanya penama yang tercatat** dalam sijil pendaftaran syarikat dengan MoF sahaja yang d**ibenarkan untuk hadir dan membeli** dokumen tender.
5. Sila bawa bersama **salinan sijil pendaftaran syarikat dengan MoF**, **salinan Kad Pengenalan** serta **Cop Nama dan Jawatan** untuk pengesahan semasa pembelian dokumen tender
6. **Kaunter saringan di Aras 10** akan dibuka kepada petender semasa pembelian tender. **Petender perlu mendapatkan pas pelawat di lobi KPKT untuk ke aras 10 dan aras 14.**
7. 1 "**Naskah Meja Dokumen Tender**" akan dipamerkan di aras 10. Dokumen ini tidak boleh dibeli, dipinjam atau dibawa balik. Petender boleh menyemak dokumen tersebut sebelum membuat pembelian

# 2b. PEMBELIAN DOKUMEN

8. Borang Pembelian Dokumen Tender akan diserahkan kepada petender di Aras 10. **Hanya petender yang lulus proses saringan sahaja dibenarkan untuk membuat pembayaran di Aras 14.**
9. Petender hendaklah menyerahkan **salinan Borang Pembelian Dokumen Tender yang telah diluluskan** kepada pegawai yang bertugas di Aras 14 sebagai rekod bukti pembelian.
10. Harga jualan dokumen tender adalah RM50.00. Pembayaran hanya boleh dibuat melalui **Wang Kiriman Pos atau Bank Deraf** dari Bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia yang dialamatkan kepada **Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**. **Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.**

# 2b. PEMBELIAN DOKUMEN

8. Petender hendaklah **mendapatkan resit setelah proses pembayaran** dibuat di **aras 14**.
9. Resit tersebut perlu **diserahkan kepada pegawai bertugas di aras 10**. Sila pastikan perkara berikut dilaksanakan:-
   a) **Borang senarai edaran ditanda tangan** oleh petender;
   b) **Surat Pelawaan dialamatkan kepada petender** dengan betul;
   c) **Salinan resit diserahkan semula** kepada petender; dan
   d) **Dokumen tender yang dibeli adalah lengkap** seperti Naskah Meja Dokumen Tender yang dipamerkan.
10. Petender hendaklah mengemukakan **borang jawapan** dalam tempoh tujuh **(7) hari dari tarikh pembelian** samada bersetuju atau tidak bersetuju dengan pelawaan tersebut

# 2c. PENYEDIAAN DOKUMEN

1. Petender hendaklah mengisi dan mengembalikan semula dokumen tender yang lengkap mengikut turutan seperti berikut

   a) **Senarai semak Cadangan Teknikal**

      1) Borang Pengisytiharan
      2) Surat Akuan Kepentingan Perunding
      3) Surat Akuan Pembida
      4) Maklumat / Profil Petender
      5) Senarai Pengalaman Petender melaksanakan kajian samada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar
      6) Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi 3 tahun terkini
      7) Carta ahli pasukan kajian serta peranan dan tanggungjawab
      8) Ringkasan *Curriculum Vitae* kakitangan yang terlibat (termasuk prinsipal / pemilik firma)
      9) *Curriculum Vitae* kakitangan yang terlibat (Termasuk Prinsipal / Pemilik Firma) (Sijil Pengiktirafan, slip gaji berkaitan
      10) Penyata KWSP dan SOCSO bagi 3 bulan terkini
      11) Cadangan Jadual Pelaksanaan
      12) Cadangan Metodologi Kajian
      13) Senarai Program Kepastian Kualiti
      14) 1 CD yang mengandungi *soft copy* cadangan teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender

# 2d. PENYEDIAAN DOKUMEN

2. Petender hendaklah mengisi dan mengembalikan semula dokumen tender yang lengkap mengikut turutan seperti berikut

   b) **Senarai semak Cadangan Kos**

      1) Pengiraan Keseluruhan Anggaran Kos Perunding (termasuk Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik);
      2) Pengiraan Yuran Perunding Secara Input Masa;
      3) Pengiraan Anggaran Kos Imbuhan Balik; dan
      4) Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Kos yang telah lengkap diisi oleh petender;

# 2e. PENGHANTARAN DOKUMEN

1. Dokumen "**Cadangan Teknikal**" dan "**Cadangan Kos**" yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam **sampul yang berasingan dan berlakri** serta **ditandakan dengan Tajuk Projek, Nombor Tender**, "**Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos**" di **sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan**.
2. Dokumen-dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Aras 10**, BH, KPKT, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, 30 Mei 2022 (Isnin). **Dokumen yang lewat dihantar tidak akan diterima.**
3. Jika Dokumen Tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier. **Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan** sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari.

# 2e. PENGHANTARAN DOKUMEN

4. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. **KPKT tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dihantar melalui pos atau kurier.**
5. Tempoh sah laku tawaran tender adalah selama **sembilan puluh (90) hari dari tarikh tender ditutup** sepertimana dinyatakan dalam Kenyataan Tender. Perunding bertanggungjawab memastikan pendaftaran syarikat masih sah dalam tempoh tersebut.

# 2f. MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **Terma Rujukan** bagi menjelaskan kehendak pihak Kerajaan untuk melantik firma Perunding adalah disertakan di **Lampiran C.**
2. **Maklumat dan perincian mengenai kriteria dan sub kriteria penilaian tender** juga adalah disertakan di **Lampiran D.** Wajaran dan markah lulus adalah sengaja dikosongkan.
3. **Dokumen Perjanjian Perunding** yang akan digunakan oleh Pihak Kerajaan kepada Petender yang berjaya adalah seperti di **Lampiran K**. Petender hendaklah membaca dan memahami terma perjanjian yang akan digunakan terutamanya berkenaan perkara-perkara yang melibatkan pengenaan *Liquidated Ascertaines Damage* (LAD).

# 2f. MAKLUMAT TAMBAHAN

4. **Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan oleh Petender. Kerajaan juga berhak menerima mana-mana bahagian daripada tawaran yang telah dikemukakan oleh Petender.**

# 3. TERMA RUJUKAN



# 3a. PENGENALAN

## EKONOMI *LINEAR*




## EKONOMI KITARAN



# 3b. OBJEKTIF KAJIAN

1. Pendekatan terbaik berkenaan Pelan Transformasi Pengurusan Sisa Pepejal Ke Arah Ekonomi Kitaran
2. Pengesyoran dan pelan tindakan untuk meningkatkan permintaan barangan sisa kitar semula serta strategi untuk menembusi produk berkenaan ke pasaran global
3. Pelan tindakan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap amalan pengasingan sisa pepejal melalui program-program CEPA yang berterusan
4. Rujukan kepada semua pihak dalam mempercepat peralihan ekonomi *linear* kepada ekonomi kitaran

# 3c. LOKASI KAJIAN




Kajian ini dilaksanakan di Malaysia dengan mengambil kira semua aspek dasar, perundangan dan amalan sektor ekonomi (termasuk aktiviti pengimportan sisa) dan pelan pembangunan Malaysia dari semasa ke semasa serta penglibatan semua pihak berkepentingan sama ada dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, industri, pengilang serta peruncit di seluruh Malaysia.


20

# 3d. KOS SILING KAJIAN



Perunding dipelawa untuk mengemukakan cadangan kos yang kompetitif dengan mengambil kira unjuran perbelanjaan selama dua (2) tahun iaitu tahun 2022 dan tahun 2023. (Kos siling untuk tahun 2022 telah ditetapkan berjumlah RM300,000.00 manakala baki siling 2023 akan dimuktamadkan pada hujung tahun 2022. Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima kos tawaran terendah



21

# 3e. JUSTIFIKASI KAJIAN




Tiada polisi dan dasar yang khusus untuk pelaksanaan ekonomi kitaran dalam sektor pengurusan sisa pepejal di Malaysia untuk dijadikan rujukan



Jumlah janaan sisa pepejal meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan ini perlu dikawal bagi mengurangkan beban kewangan pihak Kerajaan.

Kajian ini akan menyokong hasrat Kerajaan di bawah RMK12 untuk melonjakkan pertumbuhan hijau dengan melaksana agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan.

# 3g. KAJIAN / PROGRAM YANG BERKAITAN

Senarai kajian dan program yang berkaitan adalah tidak terhad kepada perkara seperti berikut :-

1. *Malaysia Plastic Sustainability Roadmap* 2021 – 2030;
2. *Survey on Solid Waste Composition, Characteristics & Existing Practice of Solid Waste Recycling in Malaysia* tahun 2012;
3. *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA);
4. *Extended Producer Responsibility* (EPR);
5. *Waste Eco Park* (WEP);
6. Mekanisme pelaksanaan *Pay As You Throw* (PAYT); dan
7. Lain – lain perkara yang berkaitan tertakluk kepada cadangan dan persetujuan dalam kelulusan metodologi kajian

# 3h. SKOP KAJIAN

Skop Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal di Malaysia akan melibatkan sisa pepejal seperti sisa makanan, plastik, kertas, kaca, lampin pakai buang, pelitup muka, ujian kit kendiri Covid-19, fabrik, tayar, logam dan lain-lain. Selain itu, kajian ini juga turut melibatkan produk-produk yang bersesuaian untuk dilaksanakan *Extended Producer Responsibility (*EPR*)*

Perunding yang dilantik kelak perlu mencadangkan metodologi kajian yang lengkap untuk kelulusan pihak Kerajaan yang meliputi:-

i. Carta Organisasi Pasukan;
ii. Peranan dan Tanggungjawab setiap ahli pasukan;
iii. Proses dan justifikasi kajian;
iv. Jadual pelaksanaan kajian; dan
v. Perancangan perbelanjaan peruntukan;

# 3h. SKOP KAJIAN (SAMB.)

Skop perkhidmatan perunding adalah meliputi :

1. Mengumpul data, menjalankan **soal selidik**, mengadakan ***Focus Group Discussion* (FGD) /konsultasi** dengan semua pihak berkepentingan termasuk :

   a. Kementerian /Jabatan / Pihak Berkuasa Negeri/ Badan Berkanun /Agensi Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan;
   b. Persatuan-persatuan pengeluar produk/ pengilang/ syarikat kutipan kitar semula/ pemilik premis kitar semula;
   c. Syarikat konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA);
   d. Universiti Awam dan Swasta; dan
   e. Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dan mereka yang berkepentingan bagi tujuan kajian Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*).

# 3h. SKOP KAJIAN (SAMB.)

2. Menyediakan **analisis** bagi **isu, masalah, keperluan, tren, halangan, tekanan dan jangkaan masa** berkaitan pelaksanaan Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*) di Malaysia;

3. Mengkaji, menyediakan **analisis perbandingan** dan **membuat penanda aras** pelaksanaan ekonomi kitaran **secara keseluruhan** yang merangkumi **undang-undang /polisi /kerangka institusi /model perniagaan /pelan tindakan** dan sebagainya sekurang-kurangnya bagi 3 buah negara luar

4. Menyediakan **laporan awalan** yang merangkumi cadangan perunding berkaitan **proses kajian**, **kajian lapangan**, **literatur** dan **cadangan awal kajian** serta **justifikasi** terhadap pelaksanaan Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*);

# 3h. SKOP KAJIAN (SAMB.)

5. Menyediakan pemetaan (***mapping***) dan **analisis rantaian nilai** dari perspektif *end-to-end* yang meliputi proses **pengeluaran produk sehingga pelupusan atau *post-consumer***;

6. **Mengesyorkan kaedah pelaksanaan** dan **mekanisme pengurusan kewangan** Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*) **yang terbaik** setelah mengambil kira pandangan stakeholders terlibat;

7. Mengenalpasti dan **mencadangkan pemangkin dasar (*enabler*)** seperti ICT, aplikasi, pengkalan data dan sebagainya;

8. **Mencadangkan inisiatif-inisiatif** Transformasi Pengurusan Sisa Pepejal ke arah Ekonomi Kitaran yang merangkumi elemen berikut:
   a. **Mekanisme pelaksanaan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar** (EPR) dan **pelan tindakan** pelaksanaan;

# 3h. SKOP KAJIAN (SAMB.)

b. Mekanisma Pelaksanaan ***Pay As You Throw* (PAYT)** dan **pelan tindakan** pelaksanaan;

c. Melaksanakan kajian **potensi *market creation*** dalam industri berasaskan sisa kitar semula tempatan yang boleh **menyumbang kepada *Gross Domestic Product* (GDP) negara**;

d. Mengkaji dan **mencadangkan model perniagaan** dan ekosistem ekonomi kitaran yang mampan merangkumi aspek **rekabentuk**, **pengeluaran, penggunaan, dan pengurusan sisa pepejal**;

e. Mencadangkan **kerangka institusi dan tadbir urus**;

f. Mencadangkan **insentif-insentif yang menggalakkan aktiviti atau perniagaan** berasaskan ekonomi kitaran seperti insentif kitar semula, insentif pembangunan Taman Eko Sisa, insentif produk hijau, insentif pelaksana EPR; dan

g. Mengenalpasti, mencadangkan dan menggubal **cadangan deraf perundangan** (Akta, Peraturan, Perintah, Tata amalan, Standard, Garis Panduan dll);

# 3h. SKOP KAJIAN (SAMB.)

9. Melaksanakan ***Regulatory Impact Assesment*** (RIA);

10. Menyediakan **laporan akhir** yang mengandungi semua hasil penemuan kajian

11. Menyediakan **dokumen *Blueprint* Ekonomi Kitaran** (*Circular Economy*) bagi tempoh 2024 – 2034 berdasarkan kepada pengesyoran KPKT.

12. Menyediakan **Pelan Tindakan** Pelaksanaan Ekonomi Kitaran Sisa Pepejal di Malaysia bagi tempoh 2024 – 2034; dan

13. Lain-lain tugas yang berkaitan mengikut kelulusan metodologi kajian.

# 3i. TEMPOH KAJIAN




Jadual Pelaksanaan

# 3j. *OUTPUT & DELIVERABLES*

| Bil | Skop Kajian | Tempoh (bulan) | Tarikh Akhir Pengemukaan Dokumen |
|---|---|---|---|
| 1) | **Metodologi Kajian** | 1 | 0.5 Bulan dari tarikh penerimaan SST |
| 2) | **Laporan Awalan** yang mengandungi:<br><br>a) Pemetaan dan analisis rantaian nilai dari perspektif *end-to-end* yang meliputi proses pengeluaran produk sehingga pelupusan atau post-consumer;<br><br>b) Analisis bagi isu, masalah, keperluan, tren, halangan, tekanan dan jangkaan masa berkaitan pelaksanaan Ekonomi Kitaran di Malaysia; dan<br><br>c) Analisis perbandingan dan penanda aras pelaksanaan ekonomi kitaran sekurang-kurangnya bagi 3 buah negara luar dalam aspek perundangan, kerangka institusi, model perniagaan, pelan tindakan dan sebagainya | 2 | 2.5 Bulan dari tarikh penerimaan SST |

# 3j. *OUTPUT & DELIVERABLES*

| Bil | Skop Kajian | Tempoh (bulan) | Tarikh Akhir Pengemukaan Dokumen |
|---|---|---|---|
| 3) | **Laporan Kemajuan No. 2** yang mengandungi:<br>a) Laporan-laporan FGD / konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan';<br>b) Senarai kaedah pelaksanaan dan mekanisme pengurusan kewangan Ekonomi Kitaran setelah mengambil kira pandangan stakeholders terlibat; dan<br>c) Senarai pemangkin dasar (enabler) seperti ICT, aplikasi, pengkalan data dan sebagainya setelah mengambil kira pandangan stakeholders terlibat. | 4.5 | 7 Bulan dari tarikh penerimaan SST |
| 4) | **Laporan Kemajuan No. 3** yang mengandungi:<br>a) Senarai inisiatif-inisiatif Transformasi Pengurusan Sisa Pepejal ke arah Ekonomi Kitaran yang merangkumi elemen : | 3.5 | 10.5 Bulan dari tarikh penerimaan SST |

# 3j. *OUTPUT & DELIVERABLES*

| Bil | Skop Kajian | Tempoh (bulan) | Tarikh Akhir Pengemukaan Dokumen |
|---|---|---|---|
| 4) | i. Mekanisma pelaksanaan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR) dan pelan tindakan pelaksanaan;<br>ii. Mekanisma Pelaksanaan *Pay As You Throw* (PAYT) dan pelan tindakan pelaksanaan;<br>iii. Mekaniksma kajian potensi market creation dalam industri berasaskan sisa kitar semula tempatan yang boleh menyumbang kepada *Gross Domestic Product* (GDP) negara;<br>iv. Cadangan model perniagaan dan ekosistem ekonomi kitaran yang mampan merangkumi aspek rekabentuk, pengeluaran, penggunaan, dan pengurusan sisa pepejal;<br>v. Cadangan kerangka institusi dan tadbir urus;<br>vi. Cadangan insentif-insentif lain yang boleh menggalakkan aktiviti atau perniagaan berasaskan ekonomi kitaran seperti insentif kitar semula, insentif pembangunan Taman Eko Sisa, insentif produk hijau, insentif pelaksana EPR; dan<br>vii. Cadangan penggubalan deraf perundangan (Akta, Peraturan, Perintah, Tata amalan, Standard, Garis Panduan dll); | 3.5 | 10.5 Bulan dari tarikh penerimaan SST |

# 3j. OUTPUT & DELIVERABLES

| Bil | Skop Kajian | Tempoh (bulan) | Tarikh Akhir Pengemukaan Dokumen |
|---|---|---|---|
| 5) | **Laporan *Regulatory Impact Assesment*** (RIA) | 3 | 13.5 Bulan dari tarikh penerimaan SST |
| 6) | **Deraf laporan akhir** yang mengandungi<br><br>a) Cadangan Blueprint Ekonomi Kitaran bagi tempoh 2024 – 2034; dan<br>b) Cadangan Pelan Tindakan Pelaksanaan Ekonomi Kitaran Sisa Pepejal di Malaysia bagi tempoh 2024 – 2034; | 1 | 15 Bulan dari tarikh penerimaan SST |
| 7) | **Laporan akhir** yang mengandungi semua hasil penemuan kajian dan mencetak dokumen *Blueprint* Ekonomi Kitaran Sisa Pepejal di Malaysia. | 0.5 | 15.5 Bulan dari tarikh penerimaan SST |

# 3k. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING



PK 3.2

KERAJAAN MALAYSIA

Kos Perkhidmatan Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Kos perkhidmatan perunding hendaklah berdasarkan:

1. input-masa (***man-month***); dan
2. imbuhan balik (***reimbursables***)

Lampiran 1 – Tuntutan Imbuhan Balik yang dibenarkan

Lampiran 2 – Skala Gaji Pokok Kakitangan Ikhtisas

Lampiran 3 – Skala Gaji Pokok Separa Ikhtisas

Lampiran 4 – Skala Gaji Maksimum Pengarah Syarikat

Lampiran 5 – Faktor Pengganda (FP) Maksimum

Lampiran 6 – Komponen FP

Lampiran 7 – Komponen FP IPTA atau IPTS

Lampiran 8 – *Charge Rate* Perunding Asing

Lampiran 9 – Komponen FP Perunding Individu

Lampiran 10 – Contoh Yuran Perunding (Input Masa)

Lampiran 11 – Contoh Yuran Perunding (Imbuhan Balik)

# 3k. PENGIRAAN INPUT MASA

2.2.4. Formula pengiraan input masa adalah seperti berikut:

**YP = GP x FP x IM**

(a) Petunjuk bagi formula di atas adalah seperti berikut :

**YP** = Yuran Perunding (*consulting fee*);
**GP** = Gaji Pokok *(basic salary);*
**FP** = Faktor Pengganda *(multiplier factor);* dan
**IM** = Tempoh Input Masa *(man-month, man-day, man-hour).*

Penggunaan **Skala Gaji Maksimum** hendaklah **berdasarkan pengalaman** kakitangan yang berkaitan. Petender **diwajibkan** untuk **melengkapkan** *template Curriculum Vitae* **(CV) yang disediakan** dalam dokumen tender untuk setiap kakitangan yang dicadangkan.

2.2.5. Gaji Pokok (GP)

(a) GP ialah gaji asas bulanan yang dibayar kepada setiap kakitangan ikhtisas dan separa ikhtisas perunding. Gaji pokok hendaklah tidak termasuk apa-apa elaun serta lain-lain bayaran kepada kakitangan perunding.

(b) GP bagi kakitangan tetap firma adalah berdasarkan slip penyata gaji semasa kakitangan tersebut.

(c) GP bagi kakitangan sementara firma hendaklah tidak melebihi skala gaji maksimum yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan seperti di Lampiran 2 dan Lampiran 3.

(d) Kakitangan sementara yang diambil di kalangan tenaga pengajar IPTA dan pegawai kerajaan yang telah bersara, GP bagi tenaga pengajar IPTA adalah berdasarkan slip gaji sebenar manakala GP bagi pegawai kerajaan yang telah bersara, adalah berdasarkan pengesahan/penyata/slip gaji terakhir.

(e) *Renumeration* bagi Lembaga Pengarah/Rakan Kongsi adalah berdasarkan skala gaji maksimum yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan seperti di Lampiran 4.

# CURRICULUM VITAE

CURRICULUM VITAE

Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia
(KPKT.BH.T.400-10/3/2)

| GAMBAR | NAMA | NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT | |
|---|---|---|---|
| | | | |
| KELULUSAN AKADEMIK | PENDAFTARAN BADAN PROFESSIONAL (SEKIRANYA ADA) | NO. PENDAFTARAN (DISERTAKAN DI LAMPIRAN SEKIRANYA ADA) | |
| | | | |
| JAWATAN YANG DICADANGKAN | PENGALAMAN BERKAITAN (TAHUN) | GAJI 3 BULAN TERKINI (SLIP GAJI DISERTAKAN) | |
| (Kakitangan Tetap / Kakitangan sementara / Tenaga Pengajar IPTA atau IPTS / Lembaga Pengarah atau Rakan Kongsi ) | | 1 | RM |
| | | 2 | RM |
| | | 3 | RM |
| | | Purata | |
| NO. TELEFON BIMBIT | ALAMAT TETAP | GAJI YANG DICADANGKAN | |
| | | | |

| JUSTIFIKASI GAJI YANG DICADANGKAN MENGIKUT PENGALAMAN BERKAITAN | | | PEGAWAI YANG BOLEH MENGESAHKAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAHUN | PROJEK / KAJIAN | JAWATAN | NAMA | JAWATAN | NO. TEL BIMBIT |
| | | | | | |
| PERAKUAN | | TANDATANGAN | | TARIKH | |
| Saya ……………………………… (Nama)<br><br>Dengan …………………………… (No. IC / Passport)<br><br>Mengaku bahawa maklumat yang disertakan adalah benar. | | | | | |

# 3k. PENGIRAAN INPUT MASA

2.2.6. Faktor Pengganda (FP)

(a) Agensi hendaklah memastikan FP yang digunapakai oleh perunding hendaklah tidak melebihi pekali yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan seperti di Lampiran 5.

(b) FP adalah terdiri daripada komponen-komponen seperti di nyatakan di Lampiran 6 hingga Lampiran 9.

2.2.7. Tempoh Input Masa (IM)

(a) IM adalah tempoh/jangka masa yang diperlukan bagi perunding menyiapkan sesuatu projek atau kajian.

(i) Penetapan yuran perkhidmatan perunding secara pukal adalah tidak dibenarkan.

(ii) Format yuran perunding secara input masa seperti di Lampiran 10.

Petender perlu **membuktikan setiap FP** yang diguna pakai adalah **bertetapan dengan faedah / komponen** yang disediakan oleh syarikat. **Pihak Kerajaan berhak membuat pengurangan** terhadap FP sekiranya petender gagal membuktikan komponen FP tersebut.

| | KATEGORI KAKITANGAN/PERUNDING | FAKTOR PENGGANDA | PERINCIAN KOMPONEN |
|---|---|---|---|
| A | PERUNDING TEMPATAN | | |
| 1 | Kakitangan Ikhtisas Firma Yang Dilantik (kakitangan tetap/sementara) | 2.7 | Jadual 1 di Lampiran 6 |
| 2 | Kakitangan Separa Ikhtisas/Sokongan Teknikal Firma Yang Dilantik (kakitangan tetap/sementara) | 2.1 | Jadual 2 di Lampiran 6 |
| 3 | Semua Kategori Tenaga Pengajar Universiti Awam/Swasta . | 2.2 | Lampiran 7 |

**KOMPONEN FP BAGI SEMUA KATEGORI TENAGA PENGAJAR UNIVERSITI AWAM/SWASTA**

| ***Component for Multiplier*** | ***Component Ratio*** |
|---|---|
| ***A. Benefits of Named Employee*** | |
| *Salary* | 1.00 |
| *Incentive & Leave* | 0.50 |
| *Research and Development* | 0.05 |
| ***B. University Consultancy Bureau's fee*** | 0.30 |
| *C. Firm's Overhead* | |
| *Utilities and office supplies* | 0.05 |
| *IT hardware* | 0.03 |
| *Profit* | 0.20 |
| *Others* | 0.07 |
| **TOTAL** | **2.20** |

# 3k(i). CONTOH BAGI KAJIAN



**LAMPIRAN 10**

**YURAN PERUNDING SECARA INPUT MASA**
**(Contoh bagi kajian)**

| Nama | Jawatan | Tempoh Pengalaman (tahun) | GP (RM) | FP | IM* | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **A. KAKITANGAN IKHTISAS** | | | | | | |
| Ir. Dr. Mohd. Amin Mohd. Som **(Kakitangan tetap)** | Pengarah Projek | 31 | 13,800.00 | 2.5** | 1 | 34,500.00 |
| Dr. Anuar Abdul Rahim **(Kakitangan tetap)** | Ketua Penyelidik *(Soil ECF Mapping)* | 12 | 8,112.00 | 2.5** | 3 | 60,840.00 |
| Prof. Dr. Azmi Yahya **(Tenaga pengajar universiti awam)** | Ketua Penyelidik *(Yield Mapping)* | 14 | 9,600.00 | 1.9** | 3 | 54,720.00 |
| Ir. Dr. Mohd. Amin Mohd. Som **(Kakitangan tetap)** | Ketua Penyelidik *(Water Quality Management)* | 31 | 13,800.00 | 2.5** | 11 | 379,500.00 |
| Dr. Rudi Van Der Kerkorf **(Perunding asing)** | *GIS Mapping & Modelling Specialist* | 25 | 32,000.00 | 1.0 | 2 | 64,000.00 |
| En Ezrin Mohd Husin **(Kakitangan sementara)** | Pegawai Penyelidik *(Soil ECF Mapping)* | 6 bulan | 2,900.00*** | 2.5** | 8 | 58,000.00 |
| Dr. Halimah Jeffri **(Kakitangan sementara)** | Rakan Penyelidik *(Yield Mapping)* | 24 | 11,000.00*** | 2.5** | 8 | 220,000.00 |
| Ir. Hishamuddin Jamaludin **(Kakitangan tetap)** | Rakan Penyelidik *(Water Quality Management)* | 9 | 5,033.00 | 2.5** | 8 | 100,660.00 |
| | | | | | **JUMLAH YURAN IKHTISAS** | **972,220.00** |
| **B. KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS** | | | | | | |
| Zakaria Ismail **(Kakitangan tetap)** | Penolong Penyelidik *(Soil ECF Mapping)* | 6 bulan | 1,500.00 | 2.0** | 12 | 36,000.00 |
| Mohd. Roshdi Zamri **(Kakitangan tetap)** | Penolong Penyelidik *(Yield Mapping)* | 1 | 1,700.00 | 2.0** | 12 | 40,800.00 |
| Rahim Ghous **(Kakitangan sementara)** | Penolong Penyelidik *(Water Quality Management)* | 6 bulan | 2,625.00 | 2.0** | 12 | 63,000.00 |
| | | | | | **JUMLAH YURAN SEPARA IKHTISAS** | **139,800.00** |
| **C. PERKERANIAN** | | | | | | |
| Hafiz Hasri Khaludin | Kerani | 5 | TIDAK DIBENARKAN (Komponen penggajian kakitangan perkeranian telah terkandung dalam faktor pengganda firma) | | | |
| Norazimah Abdul Azizi | Kerani | 5 | | | | |
| | **JUMLAH YURAN PERKERANIAN** | | | | | **0.00** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN YURAN PERUNDING** | | | | | **1,112,020.00** |

****Bulan***
*****Firma Perunding menawarkan FP kurang daripada kadar maksimum yang ditetapkan***
******Firma Perunding menawarkan GP kurang daripada kadar maksimum yang ditetapkan***



**LAMPIRAN 11**

**KOS IMBUHAN BALIK**
**(Contoh bagi kajian)**

| Perkara | Butiran | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| **i) Travel, Accomodation & Subsistence** | | |
| **Perunding Asing:** | | |
| • Airfare (Amsterdam-Bound Flight) – 1 orang | RM5,000 x 1 *orang* | 5,000.00 |
| • Accomodation (Hotel) | - | 0.00 |
| • Subsistence (per diem) | RM310.00 x 45 days | 13,950.00 |
| **Perunding Tempatan: Penyelidik** | | |
| • Accomodation (Hotel) – 6 orang | RM250.00* x 10 lawatan x 2 hari x 6 orang | 30,000.00 |
| • Subsistence (elaun makan) – 6 orang | RM60.00 x 10 lawatan x 2 hari x 6 orang | 7,200.00 |
| **Perunding Tempatan: Pembantu Penyelidik** | | |
| • Accomodation (Hotel) – 3 orang | RM190.00* x 10 lawatan x 4 hari x 3 orang | 22,800.00 |
| • Subsistence (elaun makan) - 3 orang | RM40.00 x 10 lawatan x 4 hari x 3 orang | 4,800.00 |
| **ii) Mileage** | | |
| • Mileage, Tol, Parking dan sewaan kenderaan | *As per bill* | 25,000.00 |
| **iii) *Office Operating Cost*** | | |
| • Communication (Fax, Postage, etc) | *As per bill* | 16,500.00 |
| **iv) Perkhidmatan Sewa** | | |
| • Rental cost for transportation of machineries | *As per bill* | 6,000.00 |
| **iv) Product Development & Data Analisis** | | |
| • Purchase aerial photo, GPS Points, Automatic Aerial Triangulation Model, etc. | *As per bill* | 181,800.00 |
| **v) Report** | | |
| • Inception, Interim, Final Draft& Final Report | *As per bill* | 18,500.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN KOS IMBUHANBALIK** | **331,550.00** |

** Dikemukakan bersama resit/bil penginapan.*

# 4. KRITERIA DAN SUB KRITERIA PENILAIAN



| BIL | KRITERIA UTAMA | SUB KRITERIA | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Kapabiliti Firma | Projek / Kajian yang sama yang pernah dilaksanakan sama ada Kerajaan / Swasta / Negara Luar | Berdasarkan Profil Perunding (ePerolehan) atau Profil Firma yang terkini serta Senarai Pengalaman yang disertakan seperti mana Senarai Semak Cadangan Teknikal |
| | | Projek / Kajian yang seumpama yang pernah dilaksanakan sama ada Kerajaan / Swasta / Negara Luar | |
| | | Lantikan bagi semua projek Kerajaan yang telah ditawarkan bagi 3 tahun terkini | |
| | | Kerja dalam tangan bagi semua projek Kerajaan / Swasta | |
| | | Ekuiti Bumiputera | |
| | | Kedudukan kewangan Firma berdasarkan purata baki tiga (3) tahun terkini | Berdasarkan Purata Baki 3 tahun terkini yang disertakan dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit selama 3 tahun |

| BIL | KRITERIA UTAMA | SUB KRITERIA | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 2 | Kakitangan Terlibat | Bilangan kakitangan Ikhtisas yang disertakan | Berdasarkan Carta Pasukan Yang Disertakan seperti mana Senarai Semak Cadangan Teknikal |
| | | Bilangan kakitangan Separa Ikhtisas yang disertakan | |
| | | Bil. Kakitangan berdaftar dengan Badan Professional (Sijil kepakaran dan Pendaftaran badan professional disertakan) | |
| | | Anugerah yang pernah diterima | |
| 3 | Metodologi | Metodologi yang dicadangkan menepati objektif, Kaedah Pelaksanaan dan Output Kajian | Berdasarkan Jadual Pelaksanaan, Deliverables dan Metodologi yang disertakan |
| | | Jadual Pelaksanaan | |
| | | Carta Pasukan beserta peranan dan tanggungjawab ahli pasukan | |
| 4 | Program kepastian kualiti | Jumlah program disertakan munasabah | Berdasarkan senarai program yang disertakan oleh perunding |

# 5. DOKUMEN WAJIB DI TANDA TANGAN



# 5a. BORANG PENGISYTIHARAN

**LAMPIRAN F**

**BORANG PENGISYTIHARAN**

**Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

**Kebenaran Ke Atas Perkongsian Maklumat Firma**

Dengan mengemukakan borang ini, pihak tuan telah membenarkan perkongsian maklumat firma tuan dengan Kerajaan Malaysia. Maklumat tersebut akan diguna pakai dalam membuat penilaian ke atas tawaran firma tuan.

**Perakuan**

Perakuan ini merangkumi kesemua maklumat yang dikemukakan di dalam borang ini dan maklumat yang dikemukakan di dalam dokumen tawaran berserta lampiran jadual dan dokumen sokongan.

(i) Senarai lampiran dan dokumen sokongan adalah seperti berikut:
*(sila nyatakan kesemua lampiran dan dokumen sokongan)*

| No. | Nama Lampiran /Dokumen Sokongan | No. Lampiran /muka surat |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

1

**BORANG PENGISYTIHARAN (SAMBUNGAN)**

**Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

| No. | Nama Lampiran /Dokumen Sokongan | No. Lampiran /muka surat |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(ii) Saya memperakui bahawa kesemua maklumat yang dikemukakan adalah benar, lengkap dan tepat;

(iii) Saya jelas akan bahawa firma saya akan disingkirkan daripada menyertai pelawaan ini sekiranya didapati kenyataan /maklumat /dokumen yang dikemukakan adalah palsu; dan

(iv) Saya sedar akan bahawa setelah borang yang lengkap dan ditandatangani ini diserahkan, ia akan menjadi sebahagian daripada tawaran dan akan digunakan sebagai bukti ke atas perakuan ini.

**Perakuan penuh**

Saya ………………………… No. Kad Pengenalan ………………………… selaku pemilik (Syarikat/Firma) ………………………… No. Pendaftaran syarikat dengan MoF ………………………… dengan ini memperakui dengan sepenuhnya bahawa semua maklumat dan dokumen yang disertakan bersama tawaran ini adalah benar, lengkap dan tepat, dan perakuan ini dibuat sepenuhnya dengan suci hati serta ia adalah bersamaan dengan perakuan bersumpah.

Tandatangan : ………………………
Nama wakil & jawatan : ………………………
Cop firma/syarikat : ………………………
Tarikh : ………………………

2

# 5b. SURAT AKUAN PEMBIDA

LAMPIRAN H

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

Saya ………………………… No. Kad Pengenalan ………………………… yang mewakili (Syarikat/Firma) ………………………… No. Pendaftaran syarikat dengan MoF ………………………… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan / Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam tender /sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender /sebut harga atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan / Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

   2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi tender/sebut harga* di atas; dan
   2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

1

**SURAT AKUAN PEMBIDA (SAMBNGAN)**

**Pembangunan Blueprint Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:
(i) *potong mana tidak berkenaan
(ii) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
(iii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
(iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

2

# 5C. AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING

LAMPIRAN G

**SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING**

**Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

Saya …………………………… No. Kad Pengenalan …………………………… selaku pemilik (Syarikat/Firma) …………………………… No. Pendaftaran syarikat dengan MoF …………………………… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan atau menggunakan pengaruh kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan / Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau** atau mana-mana orang lain, sebagai dorongan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini mematuhi perkara 1 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa firma melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan firma** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

1 - 2

LAMPIRAN G

**SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING (SAMBUNGAN)**

**Projek Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
(ii) **seseorang yang bersekutu dengan firma merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
(iii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat niat.

2 - 2

# 5d. SENARAI SEMAK

LAMPIRAN I

FORMAT CADANGAN TEKNIKAL

**Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

| Bil | Dokumen Yang Perlu Diserahkan | Sila Tanda (√) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Ditanda oleh Perunding | Ditanda oleh Jawatan kuasa Pembuka | Muka Surat di Cadangan Teknikal |
| 1. | Borang Pengistyharan | | | |
| 2. | Surat Akuan Kepentingan Perunding | | | |
| 3. | Surat Akuan Pembida | | | |
| 4. | Maklumat / Profil Petender | | | |
| 5. | Senarai pengalaman petender melaksanakan kajian sama ada bagi Kerajaan, Swasta dan Negara Luar (Petender | | | |
| 6. | Penyata Kewangan Tahunan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terkini | | | |
| 7. | Carta Ahli Pasukan kajian berkenaan berserta peranan dan tanggungjawab | | | |
| 8. | Ringkasan *Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal / Pemilik Firma) | | | |
| 9. | *Curriculum Vitae* Kakitangan Yang Terlibat (Termasuk Prinsipal /Pemilik Firma) (Sijil Pengiktirafan atau slip gaji berkaitan hendaklah disertakan bagi membuktikan pengalaman kakitangan dalam bidang berkaitan) | | | |
| 10. | Penyata KSWP dan SOCSO bagi tiga (3) bulan terkini | | | |
| 11. | Cadangan Jadual Pelaksanaan Kajian | | | |
| 12. | Metodologi yang dicadangkan | | | |
| 13. | Senarai Program Kepastian Kualiti | | | |
| 14. | Satu (1) CD mengandungi *soft copy* Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi oleh petender | | | |

**Nota: Sila sediakan separator bewarna bagi setiap dokumen yang disertakan dalam cadangan teknikal**

1

LAMPIRAN J

FORMAT CADANGAN KOS

**Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

| Bil | Dokumen Yang Perlu Diserahkan | Sila Tanda (√) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Ditanda oleh Perunding | Ditanda oleh Jawatan kuasa Pembuka | Muka Surat di Cadangan Kos |
| 1. | Pengiraan Keseluruhan Anggaran Kos Perunding (termasuk Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik) | | | |
| 2. | Pengiraan Yuran Perunding Secara Input Masa | | | |
| 3. | Pengiraan Anggaran Kos Imbuhan Balik | | | |
| 4. | Satu (1) CD mengandungi soft copy Cadangan Kos yang telah lengkap diisi oleh petender | | | |

Nota: Sila pastikan butiran kos yang disertakan adalah selaras dengan lampiran-lampiran yang disertakan bersama terma rujukan. Faktor pengganda yang digunakan hendaklah dibuktikan dengan justifikasi.

1

# 5e. RINGKASAN KOS & TEMPOH KAJIAN

**PENGIRAAN KESELURUHAN KOS PERUNDING**

**Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

| Bil | Dokumen Yang Perlu Diserahkan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| | | |
| 1. | Yuran Perkhidmatan Perunding | |
| a. | Kakitangan Ikhtisas | |
| b. | Kakitangan Separa Ikhtisas | |
| | Jumlah 1 | |
| | | |
| 2. | Kos Imbuhan Balik | |
| a. | Dokumentasi | |
| b. | Perjalanan, Tol dan lain – lain | |
| c. | Makan Minum, Hotel dan Lojing | |
| d. | Kos Perhubungan | |
| | Jumlah 2 | |
| | | |
| 3. | Jumlah (1 + 2) | |
| | | |
| 4. | Cukai (6%) | |
| | | |
| 5. | JUMLAH KESELUHAN (3 + 4) | |

**Tandatangan** : ....................................
**Nama** : ....................................
**Jawatan** : ....................................
**Cop syarikat** : ....................................
**Tarikh** : ....................................

1

**RINGKASAN JADUAL PELAKSANAAN**

**Pembangunan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia (KPKT.BH.T.400-10/3/2)**

| Bil | Skop Kajian | Tempoh Penyediaan (bulan) | Tempoh Penyediaan secara kumulatif (bulan) |
|---|---|---|---|
| 1. | Metodologi Kajian | | |
| 2. | Laporan Awalan | | |
| 3. | Laporan Kemajuan No. 2 | | |
| 4. | Laporan Kemajuan No. 3 | | |
| 5. | Laporan *Regulatory Impact Assesment* (RIA) | | |
| 6 | Deraf laporan akhir | | |
| 7. | Laporan akhir | | |

Saya telah membaca Terma Rujukan yang disertakan dengan jelas dan tempoh Kajian yang dicadangkan dan bersetuju dengan tempoh kajian selama ……………….. bulan. (**Jadual Pelaksanaan adalah disertakan**)

**Tandatangan** : ....................................
**Nama** : ....................................
**Jawatan** : ....................................
**Cop syarikat** : ....................................
**Tarikh** : ....................................

1

# 5f. DRAF PERJANJIAN PERKHIDMATAN PERUNDING



Form CSA2014-Research (Amendment 2018)

CONSULTANCY SERVICES

FOR ............ Specify full name of project ............

CONTRACT NO. : ....... Specify contract number .......

BETWEEN

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

....... Name of consultancy firm .......

(COMPANY NO. :....... Company registration no with Suruhanjaya Syarikat Malaysia (local company). If foreign companies specify its registration number in its country) .......)

Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan kepada Petender yang berjaya. Selanjutnya, pihak Kerajaan dan Petender yang berjaya akan memasuki satu perjanjian mengikut syarat-syarat yang telah disediakan mengikut template perjanjian yang disertakan.

# 5h. NASKAH MEJA DOKUMEN TENDER



NASKAH MEJA
DOKUMEN TENDER

KERAJAAN MALAYSIA

BAHAGIAN KEMAMPANAN BANDAR DAN PERSEKITARAN HIJAU

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

DOKUMEN TENDER

UNTUK

PROJEK PEMBANGUNAN *BLUEPRINT* EKONOMI KITARAN BAGI SISA PEPEJAL DI MALAYSIA

NO. TENDER : KPKT.BH.T.400-10/3/2

(JILID 1/1)

APRIL 2022

1 Naskah Meja Dokumen Tender akan dipamerkan di Kaunter Jualan sepanjang waktu perkhidmatan kaunter yang dinyatakan dalam kenyataan tender. Petender boleh menyemak dokumen ini sebelum dan selepas membeli dokumen tender.

# 6. SESI SOAL JAWAB



# TERIMA KASIH

Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui

a) emel nash@kpkt.gov.my; atau

b) talian 03-8891 3079